

JIKA MSN IKTIRAF KEJUARAAN SILAT DUNIA SETARAF SUKAN OLIMPIK

Pemenang emas terima \$80,000

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOKHTAR**
dan **JAMHARIAH JAAFAR**

GANJARAN lumayan daripada Skim Hadiah Kemenangan Sukan Negara menanti pesilat kebangsaan yang memenangi pingat dalam Kejuaraan Silat Sedunia di Stadium Negara pada Rabu ini, tetapi kategorinya masih belum dipastikan.

Jika kejuaraan ini diiktiraf oleh Majlis Sukan Negara sebagai kejuaraan kategori dunia, pesilat-pesilat kebangsaan yang memenangi pingat emas layak menerima \$80,000, perak \$40,000 dan gangsa \$20,000. **Pesilat Silat**

"Kami akan membuat permohonan kepada MSN supaya pesilat-pesilat kebangsaan yang berjaya, diberi ganjaran sewajarnya mengikut kategori skim kewangan kerajaan.

"Memandangkan penyertaan 19 negara daripada seluruh dunia dalam kejuaraan ini, adalah wajar ia dimasukkan dalam kategori skim kewangan yang terbesar," kata Presiden Persekutuan Kategori Kebangsaan (Pesaka), Datuk Abdul Rahman Mahmud.

Negara-negara yang menyertainya ialah Malaysia, Austria, Australia, Belanda, Belgium, Britain, Sepanyol, Denmark, Turki, Surinam, Jerman Barat, Perancis, Brunei, Indonesia, Singapura, Filipina, Tanzania, Amerika Syarikat dan Yugoslavia.

"Berdasarkan penyertaan beberapa negara luar dalam kejuaraan peringkat dunia ini, sewajarnya pesilat-pesilat kebangsaan yang berjaya memenangi pingat, diberikan ganjaran kategori tertinggi skim itu," katanya. **30 NOV 1987**

Silat sekadar mempunyai dua kejohanan antarabangsa iaitu Sukan SEA dan Kejuaraan Silat Sedunia. Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) kini sedang berusaha menyelitkan acara itu dalam Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Dalam Sukan SEA di Jakarta September lalu, pesilat-pesilat kebangsaan yang berjaya memenangi pingat, secara automatik layak menerima skim berkenaan. **B. Marjan AM**

Bagaimanapun, kini Pesaka terpaksa membuat permohonan kerana MSN masih belum mengkaji status kategori Kejuaraan Silat Sedunia itu.

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Penganjur, Arshad Abdul Rahman, berkata silat olahraga sebagai satu acara sukan tidak boleh dipertikaikan kerana ia turut diselitkan dalam Sukan SEA.

Mengenai persoalan sama ada silat olahraga sepatutnya diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Arshad berkata, "sebenarnya persoalan itu telah diselesaikan atas persetujuan bersama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

"Hasil persetujuan itu, kedua-dua kementerian bersetuju memberikan bantuan. Silat boleh diletakkan di bawah dua kementerian berkenaan. Jika ia berhubung kebudayaan, Kementerian Kebudayaan akan memberi bantuan dan jika berhubung silat olahraga, Kementerian Belia dan Sukan akan memberikan bantuan," tambahnya.



UR SEMUA... Pesilat-pesilat Jerman Barat menjalani latihan di perkarangan hotel di bawah pengawasan jurulatih Octav D. Setiadji petang semalam.